



Empangan Bukit Kwong

EL-NINO 'HISAP' AIR

■ Dua empangan utama bekal air berada pada tahap kritikal

Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dua empangan utama negara yang membekalkan air mentah kepada penduduk terus berada pada tahap kritikal iaitu kurang daripada 30 peratus sejak beberapa bulan lalu.

Menurut laman web rasmi Info Kemarau Jabatan pengairan dan Saliran (JPS), sehingga jam 5 petang semalam, Empangan Bukit Kwong, Kelantan paling merosot

dengan baki simpanan kod merah iaitu 11.96 peratus.

Selepas dua bulan berlalu sejak Empangan Bukit Kwong dihentikan operasi, tiada perubahan ketara apabila stok simpanan itu hanya mengalami kenaikan sebanyak 1.12 peratus daripada 10.84 peratus.

Sementara itu, Empangan Muda, Kedah turut mencatatkan baki simpanan bawah 30 peratus iaitu sebanyak 28.80 pe-

ratus.

Manakala, lima empangan menunjukkan bacaan baki simpanan melebihi 50 peratus iaitu Empangan Padang Saga, Kedah (58.55 peratus), Empangan Bekok, Johor (70.03 peratus), Empangan Semenyih, Selangor (67.20), Empangan Klang Gate, Selangor (64.59 peratus) dan Empangan Anak Endau, Pahang (61.85 peratus).

Sehingga lewat petang semalam, 14 lagi empangan di seluruh

negara tidak memaparkan sebarang bacaan baki simpanan, sebaliknya diletak pada status 'off line'.


Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), iklim Monsun Barat Daya yang dialami negara sekarang membawa perubahan kepada keadaan cuaca semasa iaitu kering dan panas.

Perubahan cuaca itu juga mempengaruhi taburan hujan iaitu kurang hujan berbanding musim lain, tetapi hujan lebat berserta ribut petir masih dijangkakan berlaku di satu dua tempat pada sebelah petang.

FAKTA
Baki simpanan Empangan Kwong catat paras 11.96 peratus



Empangan Air Itam



Bukan salah pembalak

Kuantan: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menafikan dakwaan aktiviti pembalakan tidak terkawal di Ulu Tembeling, Jerantut menjadi punca paras air sungai di kawasan berkenaan menjadi cetek sejak setahun lalu.

Pengarahnya Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman berkata, sebaliknya ia disebabkan fenomena El Nino yang menyaksikan cuaca panas berterusan melanda negara terutama dalam empat bulan pertama tahun ini.

"Kita kena lihat paras air sungai yang terbaru... ia tidak

(cetek) seperti didakwa sesengah pihak sebelum ini," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas dakwaan aktiviti penerokaan hutan termasuk untuk pembalakan menjadi punca penurunan paras air terutama di Ulu Tembeling.

Selain itu, ia didakwa menjadi punca projek Tagal di Sungai Pengau di Kampung Pagi berhampiran Kuala Tahan gagal dan boleh menjejaskan santuari ikan di sepanjang Sungai Tembeling.

Bukit Merah

Pengunjung Pulau Orang Utan susut 50 peratus

Yayasan Pulau Orang Utan Bukit Merah (YPOUBM) sekali lagi terkesan apabila jumlah pengunjung sepanjang Ramadan dan Aidilfitri susut hampir 50 peratus berbanding tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr D Sabapathy berkata, sepanjang musim perayaan ini lokasi berkenaan hanya dikunjungi lebih 700 pengunjung luar dan dalam negara berbanding 1,500 pengunjung pada tahun lalu.

Katanya, jumlah itu adalah hampir separuh dari tahun lalu dan perkara itu amat membimbangkan pihaknya.

"Kami berpendapat masih ada pengunjung luar dan dalam negeri yang masih ragu-ragu dan was-was untuk datang ke sini berikutan trauma dan masih terkesan dengan kemarau El Nino beberapa bulan lalu sehingga hampir mengeringkan Tasik Bukit Merah.

"Tidak dinafikan keadaan cuaca panas sejak kebelakangan ini membuatkan air takungan tasik di sini menyusut sehingga memberi kesan kepada kepulauan Orang Utan ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sabapathy berkata, sehingga kini pihaknya masih meneruskan operasi kepulauan ini namun sedikit bimbang dengan keadaan air semasa tasik yang difahamkan makin menyusut berikutan kadar taburan hujan yang kurang sejak beberapa bulan lalu.

"Bot yang mengangkut penumpang ke kepulauan ini masih dapat bergerak seperti biasa namun jika keadaan panas tanpa hujan berlarutan sudah pasti perkara ini amat membimbangkan kami.

"Dalam masa yang sama menyedari kepulauan ini kurang mendapat sambutan, pihak kami juga sudah me-



JUMLAH pengunjung yang semakin berkurangan di Pulau Orang Utan agak membimbangkan.

rangka pelbagai promosi termasuk memberikan 5,000 tiket percuma kepada beberapa akhbar terpilih sebagai satu usaha mengajak pembaca mengunjungi kepulauan ini.

"Selain itu kerjasama badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) amat ditagih dalam usaha membantu

mempromosikan kepulauan ini di seluruh Malaysia malah di dunia," katanya.

Dalam pada itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian, Ir. Hasmi Mat ketika dihubungi berkata, kedalaman tasik semasa adalah 23.1 kaki berbanding 23.3 kaki semalam.

